

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	17 APRIL 2016

Tindakan Dr M sampai peringkatancam negara

Kangar: Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar menyifatkan tindakan Tun Dr Mahathir Mohamad yang berulang kali mengkritik sistem demokrasi berparlimen di negara ini melalui ucapannya, sudah mencapai tahap memberi ancaman kepada negara.

Beliau berkata, ancaman itu dibuat bekas Perdana Menteri

apabila sering mengkritik sistem yang diamalkan di negara ini, menggambarkan seolah-olah tiada lagi demokrasi di Malaysia.

“Dalam kes tertentu, ucapan Dr Mahathir boleh dianggap melampaui batas kerana mengancam keselamatan dan menuduh seolah-olah tiada lagi demokrasi berparlimen di

negara kita.

Hormat Perlembagaan

“Tun Mahathir adalah negarawan yang dihormati. Kita minta dia menghormati Perlembagaan Persekutuan dan jangan cuba menimbulkan persoalan yang boleh ditakrif mengancam demokrasi berparlimen di Malaysia,” katanya.

Khalid berkata demikian selepas majlis Perbincangan Meja Bulat Jenayah Permasalahan Sempadan, di sini, semalam.

Program sehari itu dianjurkan Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF) serta Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU), dirasmikan oleh Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Azlan Man.

Sementara itu, beliau mengesahkan sehingga kini empat kertas siasatan berhubung laporan yang dibuat mengenai tindakan Dr Mahathir sudah diserahkan kepada Jabatan Peguam Negara untuk tindakan susulan.

BH - 17/4/2016